



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

(Board of Architects Malaysia)
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Tel: 603 26982878
603 26107087
Fax: 603 26936881
Email: info@lam.gov.my
Web: www.lam.gov.my

NOTIS PEMBERITAHUAN

PERINTAH PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (GOLONGAN PENGGUNA DATA) DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 [AKTA 709]

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) telah dimaklumkan oleh pihak Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) mengenai penguatkuasaan arahan yang diwartakan melalui **P.U (A) 336 – Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013**. Pekeliling Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Bilangan 1 Tahun 2022: Keperluan untuk Mendaftar sebagai Pengguna Data di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] yang bertarikh 11 Februari 2022 juga dirujuk. Seksyen 14, Akta 709] menyatakan :

Seksyen 14. Pendaftaran pengguna data

(1) Menteri boleh, atas syor Pesuruhjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menyatakan golongan pengguna data yang dikehendaki untuk didaftarkan sebagai pengguna data di bawah Akta ini.

(2) Pesuruhjaya hendaklah, sebelum membuat syornya di bawah subseksyen (1), berunding dengan—

(a) mana-mana badan yang mewakili pengguna data yang berada dalam golongan itu; atau

(b) mana-mana orang berkepentingan yang lain.

3. Peruntukan ini terpakai kepada **firma-firma Pemilikan Tunggal** yang berdaftar di bawah Akta 197, **Perkongsian** yang berdaftar di bawah Akta 135 dan **Pertubuhan Perbadanan** yang berdaftar di bawah Akta 125. Sila rujuk pautan <https://www.pdp.gov.my/jpdpv2/> untuk maklumat lanjut.

Dengan Perintah Lembaga Arkitek Malaysia,

(Ar. ABD SHUKOR BIN ISMAIL)
Pendaftar

17 Oktober 2022